

UCAPAN OLEH: DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM KE-19 PERSATUAN BANK-BANK SAUDAGAR DI MALAYSIA

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 07 NOV 1998

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Persatuan Bank-Bank Saudagar yang telah menjemput saya untuk hadir dan menyampaikan sepatah dua kata di majlis pada malam ini. Majlis seumpama ini sudah tentu akan dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara pengurusan bank-bank saudagar di negara ini.

2. Krisis kewangan yang kita hadapi telah berlarutan lebih setahun. Apa yang bermula sebagai krisis matawang di Thailand telah merebak ke negara-negara di rantau ini dengan begitu cepat. Malahan kesan krisis juga telah dirasai oleh Rusia dan negara Amerika Latin. Negara-negara perindustrian juga sekarang menerima hakikat bahawa krisis ini mampu menggugat kestabilan dan pertumbuhan ekonomi mereka.

3. Usaha-usaha dan penyelesaian yang dicadangkan oleh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) juga telah menemui jalan buntu. Malah, pendekatan yang disaran oleh IMF telah menjadikan keadaan lebih buruk di sesetengah negara di rantau ini, termasuk Malaysia. Dasar kadar faedah yang tinggi bersama kekangan mudah tunai tidak dapat membantu, malah telah menyebabkan bebanan hutang sektor swasta menjadi lebih berat lagi. Kegagalan peminjam menyelesaikan pembayaran pinjaman mereka telah menyebabkan kadar hutang tidak berbayar institusi perbankan meningkat. Tambahan pula jangkamasa hutang menjadi lapuk disingkatkan daripada enam bulan kepada tiga bulan.

4. Pada mula krisis matawang berlaku tiada siapa boleh menyalahkan pedagang matawang dan kegiatan mereka. Sesiapa yang menyalahkan mereka akan dikecam hebat. Sebaliknya Kerajaan, termasuk Kerajaan negara ini disalahkan kerana kononnya mengamal pentadbiran kewangan secara tidak telus, mengamal kroni kapitalisma, nepotisma dan korupsi. Bahawa Kerajaan-kerajaan ini juga yang dahulu dipuji kerana berjaya membangunkan ekonomi negara dengan begitu pesat tidak sedikit pun dianggap ganjil. Bahawa jika benarlah sifat-sifat ini yang menyebabkan kegawatan ekonomi, maka sepatutnya kegawatan berlaku lebih awal juga tidak dipersoalkan. Walau apapun bukti yang menunjukkan bahawa dakwaan Kerajaan bersalah adalah tidak benar dan tidak tepat, Kerajaan terus dipersalahkan. Dengan kerana sebab sebenar tidak mahu diakui, maka kegawatan telah berlarutan.

5. Sepatutnya bank-bank kita rebah tersungkur bersama-sama dengan syarikat-syarikat kita. Sepatutnya kita terpaksa memohon bantuan daripada IMF. Jika kita tidak,

sebabnya ialah kerana asas-asas kewangan kita kukuh dan kita berasa sangsi akan kesan dan tujuan IMF.

6. Banyak negara percaya bahawa cara yang mudah untuk mengatasi masalah kegawatan yang disebabkan jatuhnya nilai matawang ialah dengan mendapat pinjaman daripada IMF. Mereka percaya IMF akan menolong menyusun semula dan membantu pengurusan untuk memulihkan ekonomi.

7. Kita memilih untuk memerhati dahulu sama ada IMF boleh menolong atau tidak. Sebabnya ialah kerana kita percaya kemerosotan ekonomi kita bukan disebabkan oleh kurang cekapnya pengurusan kewangan kita. Kita tidak mendakwa bahawa kita begitu cekap tetapi kita percaya yang menyebabkan ekonomi kita merosot ialah serangan ke atas matawang dan pasaran saham kita.

8. Sebenarnya tidak ada ekonomi dalam dunia ini yang boleh bangun jika nilai matawang diturunkan terlalu rendah dan terlalu cepat. Jika bersama dengan serangan ke atas matawang, pasaran saham juga diserang dan nilai saham dijatuhkan dengan teruknya, negara yang termaju sekali pun akan mengalami kemerosotan yang ketara.

9. Penurunan nilai matawang adalah sama dengan merompak wang yang ada pada sesuatu negara. Negara akan menjadi miskin dan tidak akan mampu membeli barangan import atau membayar hutang.

10. Penurunan nilai saham mempunyai kesan yang sama kepada bank dan syarikat. Mereka dengan tiba-tiba akan menjadi lemah daripada segi kewangan. Kemampuan mereka untuk berniaga, meminjam atau memberi hutang akan terjejas.

11. Apabila penurunan nilai matawang disertai dengan kejatuhan nilai saham maka negara, bank dan syarikat-syarikat akan semua terdedah kepada kemungkinan menjadi muflis. Syarikat yang lemah akan gugur dahulu tetapi syarikat yang kukuh juga akan terheret bersama. Kegagalan bank dan syarikat akan turut mengheret negara turun.

12. Oleh kerana kita percaya asas kemerosotan ekonomi berpunca daripada dagangan matawang dan saham oleh pihak tertentu kita tidak yakin bahawa IMF boleh menolong kita semata-mata dengan memberi pinjaman wang. Bahawa pendapat kita adalah tepat dapat dilihat daripada prestasi negara-negara yang menerima bantuan IMF. Ekonomi mereka terus merosot, bahkan ada yang merosot lebih teruk daripada kita.

13. Pihak IMF percaya bahawa dengan menerima dan mengamalkan syarat-syarat yang dikenakan olehnya maka pelabur-pelabur asing akan percaya semula akan kekukuhan ekonomi negara berkenaan. Mereka akan kembali melabur. Tetapi ternampak jelas mereka tidak yakin dan tidak

kembali melabur.

14. Mereka tidak kembali kerana soal yakin atau tidak yakin tidak mempengaruhi mereka. Mereka tidak sebenarnya melabur dalam matawang negara yang menjadi sasaran mereka iaitu mereka tidak membeli dan memiliki matawang berkenaan dengan banyaknya. Jika mereka memiliki matawang ini maka ada kemungkinan mereka rugi jika nilai matawang ini jatuh. Jika mereka tidak memiliki, dan kita tahu mereka tidak memilikinya maka mereka tidak menghadapi risiko kerugian.

15. Apa yang berlaku ialah mereka mendakwa bahawa terdapat kelemahan dalam ekonomi negara tertentu. Kemudian mereka meminjam matawang negara berkenaan dan menjualnya berkali-kali. Penjualan ini menyebabkan nilai matawang itu jatuh. Apabila sudah jatuh dengan teruk maka mereka membeli matawang ini dengan harga yang murah dan menyampaikannya kepada pembeli yang telah beli semasa harga tinggi. Dengan ini mereka mendapat untung yang besar. Untung yang besar ini yang mendorong mereka meminjam dan menjual matawang, bukan kerana mereka takut akan rugi atau kerana kurang yakin akan ekonomi negara berkenaan, atau ingin membetulkan pentadbiran kewangan mana-mana negara.

16. Oleh kerana soal yakin atau tidak yakin bukan perkara utama, penerimaan IMF dan pelaksanaan dasar-dasarnya tidak akan menolong menghentikan kemerosotan nilai matawang. Jika ia tidak akan menolong, apa sebabnya yang kita perlu menerima IMF.

17. Tetapi sementara IMF dan syarat-syaratnya tidak akan menolong kita, tidak menerima IMF boleh memburukkan keadaan lagi. Pedagang matawang dan pemain pasaran saham akan mengguna keengkar terhadap IMF sebagai satu lagi alasan untuk menyerang matawang dan pasaran saham dengan lebih kuat lagi. Mereka percaya jika ekonomi menjadi terlalu buruk tidak dapat tidak negara yang engkar akan terpaksa tunduk kepada IMF.

18. Jika negara berkenaan membuat sesuatu untuk memulihkan ekonominya, umpamanya dengan menurunkan faedah, pedagang matawang akan menyerang lagi.

19. Dengan serangan yang bertalu-talu ini bank dan syarikat akan semakin teruk. Untuk memulihkan bank dan syarikat, Kerajaan perlu berhutang dari negara asing untuk membiayai pemulihan syarikat dan untuk membiayai defisit belanjawan. Di waktu ini satu lagi institusi antarabangsa akan menonjol diri. Agensi Penarafan atau 'Rating Agency' akan menurunkan 'credit rating' atau 'sovereign rating' negara. Penurunan 'sovereign rating' akan melibatkan semua institusi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Syarikat yang baik dan untung pun akan diturunkan 'rating'nya sama atau lebih rendah daripada 'sovereign rating'.

20. Dengan diturunkan 'credit rating' ini maka Kerajaan tidak akan mendapat pinjaman daripada pasaran wang antarabangsa. Sekali lagi negara terpaksa menimbang untuk diletakkan di bawah IMF dan syarat-syaratnya.

21. Kenapakah Malaysia tidak sanggup diletakkan di bawah IMF dan menerima pinjaman wang daripadanya?

22. Yang pertamanya, kita tidak yakin IMF boleh menolong selagi pedagang matawang boleh menurunkan nilai matawang kita untuk mendapat keuntungan. Walaupun IMF berjanji untuk mengadakan mesyuarat untuk membincang cara-cara mengawal dagangan matawang, IMF tidak membuat apa-apa yang bermakna. Sebaliknya IMF lebih mengutamakan apa yang dikatakan reformasi sistem matawang negara, yang mana ini tidak menjamin matawang akan selamat.

23. Yang keduanya, syarat ketat yang dikenakan oleh IMF termasuk memaksa membuka luas pasaran negara. Ini bermakna syarikat dan bank asing boleh mengambil alih 100 peratus bank-bank dan syarikat-syarikat Malaysia. Oleh kerana mereka besar dan kaya dan mempunyai cawangan di seluruh dunia tidak mungkin bank dan syarikat kita dapat bersaing dengan mereka. Lagipun mereka tidak takut rugi di negara ini kerana keuntungan yang mereka perolehi di seluruh dunia dapat menampung kerugian itu. Dengan menghapuskan dasar kita supaya majoriti saham bank dan syarikat kita dimiliki oleh rakyat kita, kemungkinannya ialah semua bank dan syarikat kita akan dimiliki oleh orang asing. Rakyat Malaysia hanya akan menjadi pekerja dalam bank dan perniagaan milik orang asing. Oleh kerana ini kita tidak sanggup menerima pinjaman IMF dan meletakkan diri kita di bawah telunjuk badan itu.

24. Ketiga, di zaman ini ekonomi menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah negara. Kesejahteraan hidup rakyat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh rakyat bagi memajukan ekonomi negaranya. Pembahagian dan prestasi kekayaan ekonomi negara juga menentukan kualiti hidup rakyat dan kebebasan mereka bersuara dan berpolitik. Dengan perkataan lain ekonomi negara menguasai segala aspek kehidupan rakyat sesebuah negara. Ekonomi yang lemah yang tidak dikuasai oleh rakyat sendiri tetap tidak akan memberi hasil dan nikmat sepenuhnya kepada negara dan rakyatnya.

25. Akhir sekali penguasaan ekonomi sendiri memberi makna yang sebenar kepada kemerdekaan. Negara tidak boleh dianggap merdeka semata-mata kerana kuasa politik berada di tangan rakyat. Selagi kuasa ekonomi tidak ada di tangan rakyat kebebasan negara tidak terjamin. Kita telah lihat bagaimana hanya dengan ugutan untuk menekan turun nilai matawang, pihak asing boleh memaksa dasar-dasar negara bebas ditentukan oleh pihak asing. Kerajaan

juga boleh dijatuhkan dengan ugutan ini. Jika semua ekonomi negara berada di tangan pihak asing, jika bank dan perniagaan besar dimiliki atau dikuasai oleh orang asing, maka mereka sudah tentu akan mempengaruhi politik negara. Ini bermakna negara tidak lagi bebas dan merdeka.

26. Inilah antara sebab-sebab Malaysia tidak sanggup meletakkan dirinya di bawah IMF. Tetapi tidak sanggup adalah satu perkara, kemampuan untuk tidak menerima pinjaman dari IMF untuk memulihkan ekonomi yang mengalami kemerosotan adalah perkara lain. Jika Malaysia ingin bebas dari IMF maka sesuatu perlu dibuat supaya ekonomi tidak hancur sama sekali.

27. Kita telah kenalpasti permainan pedagang matawang sebagai ancaman yang terbesar terhadap penstabilan dan pemulihan ekonomi negara. Jika negara membuat sesuatu untuk memulihkan ekonomi maka pedagang matawang akan menurunkan lagi nilai ringgit, yang mana ini menjadikan kita lebih miskin dan merana. Justeru itu, jika negara hendak diselamatkan maka perkara utama ialah membebaskan ringgit daripada ditekan oleh pedagang matawang.

28. Pembebasan ringgit dibuat dengan tidak mengiktiraf ringgit yang berada di luar negara dan menyekat penjualan ringgit di dalam negara yang tidak diizinkan oleh pihak berkuasa negara. Sekaligus Ringgit yang berada di luar negara yang diguna untuk dijualbeli hilang nilainya sama sekali. Justeru itu, Ringgit 'offshore' terpaksa dikembalikan ke dalam negara. Di dalam negara sebarang jualbeli ringgit akan diawasi dan ditentukan oleh pihak berkuasa. Hanya penjualan ringgit untuk mendapat matawang asing untuk membayar hutang luar atau membayar import barangan sahaja yang dibenarkan. Harga jualbeli ringgit ditentukan oleh Kerajaan dan tidak boleh diubah oleh sesiapa. Dengan itu dagangan Ringgit tidak lagi boleh dibuat oleh pedagang matawang sama sekali.

29. Pasaran saham juga dikembalikan ke dalam negara apabila jualbeli saham yang tidak dibuat secara langsung melalui BSKL tidak diiktiraf sebagai sah. Dengan ini tindakan 'short selling' untuk menjatuhkan nilai saham tidak dapat dibuat dengan sewenang-wenangnya. Sejurus selepas tindakan ini diambil Indeks BSKL pun meningkat kepada paras yang lebih munasabah.

30. Dengan membebaskan matawang dan saham daripada diguna untuk mengugut dan memiskinkan negara, tindakan untuk memulihkan ekonomi dapat dibuat. Faedah pinjaman dapat diturunkan supaya tidak merugikan perniagaan. Di masa yang sama mudah tunai dilonggarkan supaya pinjaman lebih mudah didapati. Hutang yang tidak berbayar dikurangkan dengan memanjangkan jangka masa sebelum hutang dianggap tidak berbayar daripada tiga bulan kepada enam bulan.

31. Pengurangan jumlah hutang yang ditakrif sebagai tidak berbayar telah menurunkan keperluan modal untuk Danaharta. Suntikan modal untuk bank yang bermasalah juga dapat dikurangkan. Sedikit sebanyak pengurangan modal untuk Danaharta dan Danamodal mengurangkan keperluan meminjam dari luar negeri, yang mana faedahnya telah dinaikkan kerana tindakan Agensi Penarafan 'Moody' dan 'Standard and Poor' menurunkan kredit 'rating' negara kita.

32. Tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan sudah pun dilaksanakan. Tetapi tindakan Kerajaan ini hanya merupakan 'enabling' iaitu 'membolehkan' perniagaan berjalan dengan lebih baik. Akhirnya yang penting, yang boleh menjayakan pemulihan ekonomi ialah tindakan yang akan diambil oleh peniaga dan institusi-institusi kewangan. Peniaga mestilah mengguna iklim yang lebih baik ini untuk memajukan perniagaan mereka. Mereka harus membayar hutang daripada 'cashflow' mereka kerana pembayaran tidak seberat dahulu. Mereka harus meminjam daripada bank untuk urusan perniagaan mereka, sama ada perniagaan asal yang terhenti atau perniagaan baru.

33. Pihak bank pula harus mempermudah urusan pinjam-meminjam. Kita pada mulanya telah tentukan pertumbuhan hutang bagi tahun 1998 adalah sebanyak 15 peratus. Oleh kerana kenaikan faedah yang terlalu tinggi dan 'credit squeeze', hutang yang dikeluarkan oleh bank merosot dengan teruk sehingga peratusan 15 peratus pertumbuhan tidak mungkin dicapai. Sebenarnya pertumbuhan separuh pun tidak mungkin dicapai.

34. Oleh itu Kerajaan telah menetapkan pertumbuhan hendaklah tidak kurang daripada lapan peratus. Kita mendapati banyak bank masih tidak mahu mengeluarkan pinjaman. Ada kononnya pengurus cawangan bank yang berkata mereka tidak dapat arahan secara hitam-putih. Justeru itu, mereka akan terus berhati-hati dalam memberi hutang kepada peniaga. Saya harap cerita ini adalah cerita dongeng sahaja. Saya harap pengurusan bank akan bersikap lebih positif dalam mengeluarkan pinjaman kepada peniaga. Bank Negara akan mengawasi prestasi bank sepanjang masa.

35. Saya tidak perlu tegaskan bahawa pemulihan ekonomi negara bergantung kepada kecergasan pihak swasta yang dibantu oleh bank dalam bidang perniagaan. Lebih giat swasta lebih cepatlah pemulihan ekonomi negara. Lebih cepat ekonomi pulih, lebih selesalah kehidupan rakyat. Pemulihan ekonomi negara juga akan menjamin negara kita tidak akan dijajah semula oleh orang asing.

36. Baru-baru ini ternampak tanda-tanda kegawatan ekonomi Asia Timur sedang pulih. Nilai matawang dan indeks pasaran saham sedang meningkat. Mungkin ada yang berpendapat bahawa tanpa tindakan mengawal Ringgit pun ekonomi negara akan pulih.

37. Kita jangan terlalu cepat menerima dakwaan ini. Apa yang berlaku bukanlah kenaikan nilai matawang Asia Timur tetapi kejatuhan nilai Dolar Amerika.

38. Apabila 'Long Term Capital Management Fund' mengalami kerugian yang teruk, bank-bank negara maju yang dahulu memberi pinjaman yang besar kepada Tabung Lindung Nilai atau 'hedge funds' telah menarik balik kredit mereka untuk dagangan matawang. Dengan itu banyak 'hedge funds' mengalami kerugian dan terpaksa menjual Dolar untuk membayar matawang yang dipinjam oleh mereka. Dengan itu nilai Dolar pun jatuh, atau dipandang daripada sudut matawang lain, nilainya meningkat.

39. Kita belum boleh yakin bahawa pengurus 'hedge funds' tidak akan kembali menyerang negara Asia Timur. Kita lihat bagaimana mereka menyerang matawang Mexico dan Brazil berkali-kali. Apabila sahaja ekonomi pulih selepas serangan oleh mereka, mereka akan serang semula.

40. Oleh itu kita belum boleh yakin serangan ke atas matawang Asia Timur sudah tamat. Selagi dagangan matawang tidak dikawal oleh masyarakat antarabangsa dan negara-negara tertentu, tidak ada jaminan pedagang matawang tidak akan menyerang sekali lagi apabila mereka dapat mengatasi masalah yang mereka hadapi sekarang. Justeru itu, kawalan ke atas matawang kita tidak boleh dihentikan atau dilonggarkan.

41. Negara masih berada dalam keadaan yang belum stabil daripada segi ekonomi. Kita perlu berhati-hati. Kita perlu awasi segala-gala yang berlaku di sekeliling kita, baik dalam negeri mahupun di luar negeri.

42. Kita telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan majlis ini telah membentuk Pelan Pemulihan Ekonomi Negara. Pelan ini memberi perhatian kepada semua sektor dan semua tindakan yang perlu diambil. Saya yakin jika kita semua memainkan peranan yang ditentukan bagi kita dalam Rancangan tersebut, pemulihan ekonomi negara kita akan tercapai dalam masa yang pendek.

43. Dalam rancangan ini peranan bank dan institusi kewangan sudah pun diberi garis panduan. Kita juga telah memperkenalkan belanjawan yang akan menyumbang kepada pelaksanaan rancangan pemulihan MTEN. Saya yakin dengan semua yang telah kita rancangkan dan dengan semua pihak memainkan peranan masing-masing kita akan dapat memulihkan semula ekonomi negara kita, insya-Allah